

PM: CPO Kuala Lumpur dilantik secepat mungkin

UM - 14/4/2007

PETALING JAYA 13 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, calon Ketua Polis Kuala Lumpur telah dikenal pasti dan kekosongan jawatan itu akan diisi secepat mungkin.

"Kita sudah pun tentukan siapa orangnya," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan di sini, hari ini.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri diminta mengulas kekosongan jawatan Ketua Polis Kuala Lumpur selepas persaraan Datuk Sulaiman Mohd. Yusof pada 25 Januari lalu.

Kekosongan jawatan tersebut sebelum ini turut disentuh oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd. Johari Baharom berikutan dakwaan berlaku peningkatan kadar jenayah di beberapa kawasan di sekitar ibu negara.

Sementara itu mengulas isu pembangunan di Pulau Sipadan, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan tidak akan membenarkan pembangunan secara berlebihan di pulau tersebut.

"Pembangunan (di Pulau Sipadan) perlu minimum kerana kita hendak memelihara pulau tersebut dan koloni (yang ada di situ).

"Jadi, pemuliharaan Pulau Sipadan sangat penting," tegas Abdullah.